

PM: Raja paling aktif dalam sejarah negara

UM 22 NOV 2001

KUALA LUMPUR 21 Nov. -- Perdana Menteri menyifatkan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong paling aktif dalam sejarah negara.

Sambil merakamkan rasa sedih terhadap kemangkatan baginda, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemangkatan baginda merupakan satu kehilangan besar kepada rakyat dan negara.

Beliau juga menganggap Seri Paduka sebagai seorang sahabat kerana sentiasa bekerjasama erat dalam soal pentadbiran negara.

"Seri Paduka seorang Yang di-Pertuan Agong yang aktif. Baginda mengadakan lawatan di pel-

bagai tempat untuk bertemu rakyat hampir setiap hari.

"Saya sedih. Baginda merupakan seorang sahabat yang baik. Kami bekerjasama rapat. Saya tidak menjangkakan baginda akan meninggalkan kita terlalu cepat," katanya.

Menziarahi

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengumumkan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) kira-kira pukul 1.55 petang di sini hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri menziarahi jenazah Seri Paduka di Pusat Perubatan Gleneagles In-

tan di sini.

Seri Paduka dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi, (ICU) di pusat perubatan itu Ahad lalu selepas menerima rawatan di Singapura.

Baginda yang berusia 75 tahun mangkat di pusat perubatan itu pada pukul 11.57 pagi ini.

Ekoran kemangkatan baginda, negara diisytiharkan berkabung dan semua acara rasmi kerajaan dibatalkan esok.

Dr. Mahathir selanjutnya berkata, beliau mengagumi keperibadian dan tanggungjawab yang ditunjukkan oleh Seri Paduka yang memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Menurut beliau, walaupun keadaan Seri Paduka tidak begitu sihat, ia ti-

dak menjadi penghalang untuknya bertemu dengan rakyat jelata hampir setiap hari.

"Saya tahu baginda tidak begitu sihat tetapi baginda telah melakukan tugasnya sebagai Yang di-Pertuan Agong dengan baik," katanya.

Komplikasi

Keadaan kesihatan baginda, katanya, diketahui umum apabila pernah menjalani pembedahan beberapa komplikasi lain sebelum ini.

Beliau menambah, sikap yang ditunjukkan oleh Seri Paduka perlu dicontohi kerana menjalankan tugas dengan penuh dedikasi tanpa mengira waktu dan keadaan kesihatannya.